MARHALAH DAKWAH SERTA TUNTUTANNYA

Oleh: Kamarul Azami bin Mohd Zaini (http://kamarulazami.blogspot.com)

Perbincangan mengenai jalan dakwah ini telah dipelopori oleh senior-senior dakwah yang melalui jalan ini denganpelbagai pengalaman pahit dan manis. Kehidupan yang penuh dengan cabaran dan liku serta tidak punya jalan mati atau tempat berhenti melainkan beberapa tempat rehat sementara yang Allah anugerahkan atas tujuan untuk menjadikan diri lebih baik, lebih berkesan dan menjadi iktibar untuk masa-masa akan datang.

Kita perlu mengenali jalan dakwah ini dengan lebih baik dan mendalam agar kita tidak berpecah serta berpisah daripadanya dengan melalui jalan-jalan lain yang pelbagai dan kita khuatiri, ia akan menyesatkan. Ia adalah disebabkan matlamat yang tidak jelas, niat yang bercampur-baur serta membawa bersama diri kita ini kepentingan untuk memiliki atau merasai sesuatu. Oleh yang demikian, marilah bersama kita mengambil faedah dari pengalaman para pendakwah yang terdahulu dari kita agar ia sentiasa menjadi benteng, batas mahupun sendal dari melampaui apa yang sepatutnya dilalui dan dirasai. Firman Allah dalam surah Ar-Rum ayat 4 hingga 5 Allah menyatakan;

- فِي بِضْعِ سِنِينَ ۗ لِلَّهِ ٱلْأَمْرُ مِن قَبْلُ وَمِنۢ بَعْدُ ۚ وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿٤﴾ بِنَصْرِ ٱللَّهِ ۚ يَنصُرُ مَن يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥﴾

“Dalam masa tidak sampai sepuluh tahun. Kepada pentadbiran Allah jualah terpulang segala urusan, sebelum berlakunya dan sesudah berlakunya; dan pada ketika berlakunya (kemenangan Rom) itu, orang-orang yang beriman akan bergembira dengan kemenangan yang diberi Allah. Ia memberi kemenangan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani.”

Menurut Al-Ustaz Mustafa Masyur, kita sebenarnya berada di marhalah yang paling genting, terutama bersama sejarah terbesar dalam seluruh kehidupan manusia. Jika diperhatikan dan fikir-fikirkan, terdapat banyak persaman antara medan dakwah terawal ketika permulaan Rasulullah s.a.w. di Mekah dan pada hari ini. Kewajipan, peranan serta tindakan yang digunakan Rasulullah dalam menyantuni dan berhadapan dengan rakyat sama ada yang Muslim atau tidak juga amat berbeza antara Mekah dan Madinah. Pada peringkat permulaan usaha dakwah Rasulullah s.a.w. di Mekah Baginda amat mementingkan perkara-perkara yang berkaitan dengan iman yang mendalam, kesabaran dan menyabarkan pembentukan yang rapi, pergerakan dan tindakan yang halus dan teliti serta amalan-amalan yang dilakukan adalah berterusan dan kenal jerih dan payah. Namun, bilangan mereka ini amat sedikit dan sering mendapat pelbagai ancaman dan ugutuan tentang keimanan mereka yang mana, mereka tidak gentar dan takut untuk mengorbankan nyawa demi mempertahankan keimanan mereka.

Maka menurut As-Syahid Al-Imam Hassan Al-Bannam “Sesungguhnya pembentukan ummah, pendidikan bangsa-bangsa, merealisasikan cita-cita dan mendokong pendirian (pegangan hidup) **memerlukan ummah yang berusaha ke arah itu** atau dari golongan yang menyeru kepadanya. Ini sekurang-kurangnya memerlukan **kekuatan jiwa** yang terhimpun di dalamnya beberapa perkara: Iaitu kemahuan yang tidak mengenal lemah, kesetiaan yang tetap yang tidak disaduri oleh kepura-puraan dan khianat, pengorbanan yang banyak yang tidak dihalang oleh tamak dan haloba serta kebakhilan, dan makrifah (mengenalpasti) dasar pegangan hidup, beriman kepadanya dan menghargainya sungguh-sungguh. Semuanya itulah yang memelihara (kita) dari kesalahan dan penyelewengan daripadanya (pembentukan) dan tawar-menawar (apologetik) di atas perkara dasar dan tidak terdaya dengan yang lainnya".

Jelas sekali, keperluan dalam emastikan ummah ini terbentuk, terdidik serta mencapai cita-cita sebenar perjuangan Islam memerlukan mereka yang berjuang dengan sepenuh jiwa mereka. Jiwa mereka ini pula perlu disirami dengan beberapa benteng atau dinding yang akan membuatkan mereka bertahan, bersabar serta istiqamah dalam berusaha ke arah pencapaian cita-cita yang besar. Marilah kita berdoa kepada Allah s.w.t. agar sentiasa diberikan hidayah dari Allah s.w.t. untuk sentiasa istiqamah serta

berjuang untuk meneruskan kerja-kerja yang ditinggalkan oleh generasi yang terdahulu ini. Terdapat 3 marhalah yang perlu diberikan perhatian oleh kita semua dalam memastikan kerja-kerja yang ditinggalkan ini disambut dengan baik dan dilaksanakan dengan cara yang paling berkesan. Pertama, marhalah ad-d'ayah atau marhalah al-ta'rif. Ia bermaksud peringkat memperkenalkan dan menyampaikan berita atau perkhabaran tentang pergerakan serta keperluan untuk bersama dalam gerakan ini.

Kedua ialah marhalah at-takwin yang bermaksud peringkat membentuk. Pada peringkat ini, satu langkah proaktif perlu diambil dalam membentuk kepimpinan serta pengganti baru bagi sesebuah gerakan itu. Maka mereka itu perlu dipilih dan didik agar mereka berjaya mewarisi dan menggantikan kepimpinan yang ada. Marhalah yang terakhir adalah marhalah tanfiz atau perlaksanaan, amal dan usaha untuk mencapai matlamat perjuangan yang sebenar. Ketiga-tiga marhalah ini wajib berjalan serentak tanpa meninggalkan atau menangguhkan walau satu darinya. Jika ia berjalan seiring, tidak pula sempurna jika ia **tidak mengikut tertib**, dan tidak sempurna pula tanpa **pengenalan makrifah dan sahih yang benar**, serta tidak mungkin lengkap tanpa satu **dasar pendidikan yang sempurna**.

MEMPERKENALKAN DAN MEMBERIKAN PERKHABARAN

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسۡتَقِيمٗا فَٱتَّبِعُوهُۖ وَلَا تَتَّبِعُواْ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمۡ عَن سَبِيلِهِۦۚ ذَٰلِكُمۡ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ١٥٣

"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa." (Al-An'am: 153)

Ayat Allah s.w.t. di atas menjelaskan keperluan dan kepentingan kepada kita yang Islam untuk tidak melakukan apa-apa penyelewangan dalam proses pengenalan marhalah ini. Jelas sekali, sebagaimana yang dicontohkanoleh Rasulullah s.a.w. bagaimana wahyu yang disampaikan kepadanya, disebar dan disampaikan pula kepada ummat Islam dengan cara yang amanah dan benar. Apakah yang akan berlaku sekiranya Nabi Muhammad s.a.w. itu menyampaikan berita yang salah? Inilah penjelasan yang berlaku kepada penganut Kristian hari ini yang mana, setiap wahyu yang disampaikan di dalam injil telah ditukar dan ditentukan berdasarkan keperluan peribadi serta kepentingan pihak-pihak tertentu. Pengajaran ini harus diambil oleh kita yang mendokong gerakan Islam ini serta perlu sentiasa dijadikan peringatan agar kita bukanlah dari golongan yang mencerai-beraikan (fatafarraqa) mereka dari jalan Allah.

Maka adalah perlu, wajar dan wajib sekali buat kita untuk kembali semula menyoroti sejarah perjuangan Rasulullah s.a.w. Begitu juga para sahabat, salafussoleh serta ulama'ulama' mahsyur yang lain agar dapat mengembalikan dokongan yang sebenar melalui sumber rujukan juga yang benar. Firman Allah s.w.t. di dalam surah Al-Ahzab ayat 23 yang bermaksud;

مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ رِجَالٞ صَدَقُواْ مَا عَٰهَدُواْ ٱللَّهَ عَلَيۡهِۖ فَمِنۡهُم مَّن قَضَىٰ نَحۡبَهُۥ وَمِنۡهُم مَّن يَنتَظِرُۖ وَمَا بَدَّلُواْ تَبۡدِيلٗا ٢٣

"Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun."

Inilah golongan yang perlu kita turuti dan sertai di mana sepanjang hayat dalam melalui jalan dakwah ini, bersikap benar dan tidak sekali-kali untuk menipu atau mementingkan diri sendiri kerana Allah itu Maha Mengetahui serta ia adalah amalan sia-sia buat diri kita sendiri. Apa yang kita harapkan adalah untuk menjadi Muslim yang gugur tatkala memperjuangkan dan mempertahankan iman kita demi Allah s.w.t. Jika Allah tidak pilih kita, maka bersabarlah dengan giliran Allah itu, jangan pula kita angkat kaki dan mula meragui janji Allah pada kita. Allah tidak pernah tidur, dan Allah Maha Mengetahui setiap amal perbuatan yang kita kerjakan. Maka, buatlah apa yang Allah sukai nescaya Allah akan berikan apa yang kita sukai.

27 September 2010
Rumah PKNS 2, Kuala Selangor

Penulis juga merupakan;
Perunding Utama IQ Class Management (http://iqclassmanagement.blogspot.com)
Bendahari Agung Biged Bakti Malaysia
Setiausaha ABIM Cawangan Negeri Selangor (http://abimselangor.blogspot.com)
YDP ABIM Cawangan Kuala Selangor (http://abimdks.blogspot.com)